

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. EWON EBIN
[RANAU]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN : 21

YB Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan susulan daripada bencana alam gempa bumi yang melanda daerah Ranau pada Jun 2015, bilakah kerja-kerja pembaikan/pembinaan semula dilaksanakan bagi berek dan balai polis IPD, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama-SMKA Mohamad Ali Ranau, Hospital Ranau, Masjid Daerah Ranau dan Sekolah Menengah Ranau.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerja-kerja membaiki dan membaikpulih kerosakan bangunan Kerajaan akibat gempa bumi di Ranau pada Jun 2015 telah dilaksanakan oleh kementerian dan jabatan yang berkenaan. Bagi kerja-kerja pembinaan kerosakan struktur Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan Balai Polis yang terlibat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memperuntukkan peruntukan *one-off* berjumlah RM1.2 juta di bawah butiran projek Kerja-Kerja Pembinaan Kerosakan Struktur Di Kuarters IPD Ranau, IPD Kota Belud Dan Kuarters Balai Polis Tamparuli, Sabah. Bagi IPD Ranau, kerja-kerja pembinaan tersebut telah mula dilaksanakan pada 1 Februari 2016 dan siap sepenuhnya pada 25 April 2016.

Manakala itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan waran peruntukan sebanyak RM180,000 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Mohamad Ali Ranau dan RM500,000 kepada Sekolah Menengah Ranau bagi kerja-kerja pembinaan bangunan akibat gempa bumi 2015 yang lepas. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada 14 Ogos 2015 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Oktober 2015.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah melaksanakan kerja-kerja pembinaan rumah kakitangan Hospital Ranau yang terjejas akibat kejadian gempa bumi tersebut. Kerja-kerja pembinaan telah siap pada 29 Ogos 2016 dan pihak KKM menjangkakan rumah kakitangan

Hospital Ranau akan mula dihuni pada hujung Disember 2016. Pihak Hospital sedang dalam proses pemilihan anggota yang layak menduduki kuarters dan proses pemilihan dan penawaran dijangka akan selesai pada November 2016.

Sekian. Terima kasih.